



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



Sabtu, 5 Disember 2009 / 17 نوالحجه 1430 PERCUMA

Kutipan pingat dan kedudukan (sehingga 4 Disember, 10.40 malam)

Kontinjen	ke 4			Jumlah	Mata	Kedudukan	
Brunei Darussalam	13	12	16	16	57	182	3
Sabah	14	19	17	13	63	202	2
Sarawak	18	15	17	15	65	217	1
W. P. Labuan	2	4	10	3	19	54	5
Kalimantan Timur	11	7	3	1	22	152	4
Kalimantan Tengah	0	1	1	0	2	8	6
Melaka	6	4	1	1	12	49	-

سوكن بورنيو

Sukan Borneo III

Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

29 Nov - 6 Dis

2009

Kilauan emas

atlet negara



Oleh : Bolhassan
Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Disember. - Atlet negara, Sefli Ahar berjaya merangkul pingat emas dalam acara Half Marathon sejauh 21 kilometer dengan catatan masa 1:17:30 saat yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Pingat perak disandang oleh atlet Kalimantan Timur, Rafiq yang mencatat masa 1:21:18 saat, sementara tempat ketiga sekali gus meraih pingat gangsa juga dikutip oleh atlet negara, Awang Alizan bin Alikhan dengan catatan masa 1:23:52 saat.

"Saya merasa bangga kerana telah dapat mengharumkan nama negara yang mana ini julung-julung kalinya acara Half Marathon dipertandingkan dalam temasya Sukan Borneo," kata Sefli dalam temu bual bersama wakil PELITA BRUNEI.

Negara Brunei Darussalam merupakan negara pertama yang mempertandingkan acara Half Marathon yang disertai oleh sebelas atlet.

Pada acara itu, lima atlet mewakili kontinjen negara, lima atlet dari Sabah dan hanya seorang mewakili Kaliman-



CEMERLANG ... Peserta negara mengharumkan nama dalam Acara Tanding Wanita Pencak Silat. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid. (Lagi berita dimuatkan di muka 2).



MILIK KAMI ... Peserta negara meraih pingat emas dalam acara Kumpulan Boling Padang Wanita. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit. (Lagi berita dimuatkan di muka 4).

tan Timur.

Acara yang bermula kira-kira jam 6.15 pagi merupakan penutup tirai bagi kejohanan olahraga selama dua hari yang mempertandingkan 22 acara balapan dan padang.

Dalam keseluruhan acara olahraga itu, atlet negara menyumbang 17 pingat, iaitu dua emas, tiga perak dan 12 gangsa.

BANGGA ... Sefli Ahar rangkul pingat emas dan Awang Alizan Alikhan kalung pingat gangsa bagi acara Half Marathon 21 kilometer. - Foto : Pusat Media Jabatan Penerangan.

Kontinjen Pencak Silat NBD juara keseluruhan

Oleh :
Abu Bakar
Haji
Abd. Rahman
Foto :
Hatral Hazmi
Abd. Hamid



PEMENANG pingat emas dalam acara Regu Lelaki Akhir Negara Brunei Darussalam (kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Disember. - Kontinjen Pencak Silat Negara Brunei Darussalam (NBD) di Kejohanan Sukan Borneo Ketiga muncul sebagai juara keseluruhan apabila berjaya mengutip tiga pingat emas di sepanjang kejohanan dua hari berlangsung di Dewan Pusat Belia, di sini.

Ketiga-tiga pingat emas tersebut diperoleh kelmarin menerusi dalam tiga acara iaitu 'Tunggal Wanita', 'Ganda Lelaki' dan 'Regu Wanita'.

Namun dalam tiga acara yang dipertandingkan di hari terakhir ini, ternyata Kalimantan Timur tampak lebih menguasai gelanggang setelah hampa memungut sebarang pingat emas kelmarin dengan hanya tiga kilauan perak.

Setelah melahirkan kehampaan kelmarin itu Sri Murni, jurulatih Kalimantan Timur kini mampu mengukir senyuman apabila tiga anak muridnya yang mengandungkan Heri Usianto, Abdul Mukid dan Zakki Imadudin yang menyertai acara 'Regu Lelaki' berjaya memungut pingat emas pertama, mana-



ANTARA aksi pemenang pingat emas dalam acara 'Ganda Wanita' melalui gandingan Nurbayani Fadzil dan Heidy Diana Suip dari negeri Sarawak.

kala pesilat-pesilat tuan rumah berada di tempat kedua dan ketiga milik negeri Sarawak.

Pemburuan pingat emas kedua pasukan Kalimantan Timur terus menjadi apabila Dwi Chandra Wijaya menguasai gelanggang dalam acara 'Tunggal Lelaki' dengan memperolehi

466 mata disusuli tempat kedua oleh pesilat tuan rumah, Eddy Ratno dengan markah 463 mata dan tempat ketiga dimenangi oleh Fikri dari Sarawak dengan mengutip mata 453.

Sarawak memperolehi pingat emas tunggalnya menerusi acara 'Ganda Wanita' melalui gandi-



SEBAGIAN daripada aksi pesilat tuan rumah gandingan Dayang Norleyharyanti dan Dayang Nurul Aimi Amalina.

ngan Nurbayani Fadzil dan Heidy Diana Suip dengan memperolehi 525 mata menumpaskan gandingan pesilat tuan rumah yang merangkaikan gandingan Dayang Norleyharyanti dan Dayang Nurul Aimi Amalina yang memperolehi 509 mata.

Pengurus pasukan tuan rumah, Awang Abd.

Razak Haji Md. Deli di akhir perlawanan ketika mengulas keseluruhan persembahan anak buahnya melahirkan perasaan berpuas hati dengan pencapaian mereka di sepanjang kejohanan ini walaupun pada perlawanan di hari terakhir ini gagal memungut pingat emas.

**Tuan rumah
akur kehebatan
Kalimantan Tengah**

Oleh : Siti Zuraiyah
Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Pasukan Tenis Brunei Darussalam terpaksa akur dengan kehebatan Kalimantan Tengah di Perlawanan Tenis Berpasukan Lelaki Sukan Borneo Ketiga di Gelanggang Tenis, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Mathew Bukit yang memulakan pertarungan perseorangan pertama tumpas kepada Panji Bana dengan kiraan 0 - 6, 1 - 6.

Kekecewaan tersebut bagaimanapun berjaya ditebus apabila Awang Aiman Abdullah yang turun sebagai perseorangan kedua berjaya menumpaskan Agus Rusdi dengan 'straight set' 6 - 1 dan 6 - 1.

Kemudian Awang Mohaimin Haji Awang yang disenarai sebagai perseorangan ketiga juga gagal menyerlah apabila kalah di tangan Mahming dengan kiraan 3 - 6 dan 4 - 6.

Sementara itu, pada perlawanan berpasangan, pasangan pertama negara, Mathew Bukit dan Awang Md. Ali Abdullah juga ditumpas kepada pasangan Andy Prawono dan Benny dengan kiraan mata 3-6 dan 2 - 6, manakala pasangan kedua negara, Awang Aiman Abdullah dan On Sie Lu juga tumpas pada pasangan Panji Bana dan Mahming dengan kedudukan 5 - 7 dan 6 - 7.

Pada acara berpasukan veteran pula, pasukan negara juga tewas pada pasukan Kalimantan Timur 0 - 3 dengan Pengiran Anuar Pengiran Haji Ahmad ditewaskan oleh IR. Rudy Nurhayadi dengan kedudukan 6-7 dan 3-6 bagi perseorangan pertama.

Pada perlawanan perseorangan kedua, Fung Ah Siew tewas oleh Ahmad Yani dengan kiraan 3 - 6 dan 6 - 7.

Kalimantan Timur sekali lagi menumpaskan Negara Brunei Darussalam dalam acara berpasangan, di mana negara yang diwakili oleh Pengiran Haji Md. Riduan Pengiran Haji Md. Yunos dan Awang Shapiee Haji Hassan tewas di tangan pasangan IR. Rudy Nurhayadi dan Ahmad Yani dengan kedudukan 3 - 6 dan 2 - 6.

Pasukan Tenis Negara Brunei Darussalam akan meneruskan perlawanan pada hari kedua kejohanan dengan menentang negeri Sarawak dalam acara 'Berpasukan Lelaki' dan menentang Kalimantan Tengah dalam acara 'Berpasukan Veteran'.

Pesilat negara beraksi mantap

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Disember. - Pesilat-pesilat negara beraksi mantap di gelanggang silat Sukan Borneo Ketiga pada hari pertama pertandingan dengan menguasai ketiga-tiga acara yang dipertandingkan di Dewan Pusat Belia, di ibu negara.

Walaupun Majlis Penyampaian Pingat akan dilaksanakan esok, namun keputusan telah diumumkan setiap kali perlawanan berakhir yang kesemuanya telah memihak kepada pesilat-pesilat tuan rumah.

Kemenangan ini merupakan hasil 'tuaian' pesilat-pesilat negara setelah sekian lama mengikuti latihan tanpa mengira penat dan lelah.

Dayang Siti Noradiyatul Amal Roslan merupakan pesilat pertama negara unggul di hadapan apabila menguasai acara 'Tunggal Wanita' dengan memperolehi 457 mata diikuti pesilat dari Kalimantan Timur yang menampilkan Yunita Rahel dengan mendapat 451 mata dan tempat ketiga dimenangi oleh pesilat negeri Sarawak, Kamsiah Hanapi yang memperolehi 444 mata.

Pesilat negara terus melipatgandakan usaha dengan mengandungkan Awang Md. Fadzil Afifi dan Awang Md. Nur Fadzillah apabila keduanya memenangi acara 'Ganda Lelaki' setelah membuat persembahan yang mantap dan tanpa ragu juri telah memberikan sebanyak 538 markah, manakala gandingan Ade Ismail Ramadan dan Rian Angga berada di tempat kedua dengan mendapat 530 markah, manakala gandingan Samsul Salleh dan Gadafi Bahri Hamdan mewakili Sarawak di tempat ketiga dengan mengutip 508 markah.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid

Gandingan dua beradik, Dayang Norleydiana dan Dayang Norleyharyanti Haji Raya bersama rakan pesilat Dayang Nurul Aimi Amalina Zainidi berjaya membuat persembahan mantap apabila acara 'Regu Wanita' milik mereka dengan memperolehi 468 mata sekali gus bakal memberi sinaran pingat emas milik negara, sementara tempat kedua dimiliki oleh gandingan Ika Susanti, Heni Rusnawati dan Susi Hayati dari Kalimantan Timur dengan mendapat 464 mata.

Pengurus pasukan silat negara di kejohanan ini, Awang Abd. Razak Haji Md. Deli semasa ditemui melahirkan perasaan gembira di atas pencapaian anak buahnya yang menurutnya hasil dari persiapan latihan yang telah mereka lalui siang dan malam sebelum ini.

"Para pesilat telah membuat persembahan yang sangat baik hari ini dan saya merasa berpuas hati," ujarnya dengan perasaan gembira.

Manakala jurulatih kepada pasukan pesilat Kalimantan Timur, Sri Murni melahirkan perasaan kurang senang dengan cara juri membuat penilaian.

Namun beliau akur bahawa setiap negara mempunyai caranya sendiri.

Menurutnya, juri seolah tidak menilai dari sudut kekuatan, kepadatan dan 'power' persembahan.



AKSI peserta daripada Kalimantan Barat.



DAYANG Siti Noradiyatul Amal Roslan pesilat pertama negara beraksi dalam acara 'Tunggal Wanita'.

9 - Ball Pool Doubles Brunei rangkul pingat emas

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Negara Brunei Darussalam berjaya meraih pingat emas melalui gandingan bergu Ak. Md. Saiful Azri dan Ahmad Taufiq dalam acara '9-Ball Pool Doubles' di Sukan Borneo Ketiga 2009 yang berlangsung di Cue Sports di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Gandingan pasangan pemain negara dari kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berjaya meraih emas melalui acara '9-Ball Pool Doubles' di Sukan Borneo Ketiga 2009 dengan mengalahkan pasangan dari negeri Sarawak, Wong Tang Yong dan Jeremy Ku Yung Han di hari pertama sukan tersebut bermula.

Perlawanan tersebut melibatkan tiga buah kontinjen bagi acara '9-Ball Pool Doubles' terdiri daripada NBD, Sabah dan Sarawak.

Pasangan pemain negara bermain dengan begitu baik sekali dan merasa yakin untuk melayakkan diri mereka ke peringkat akhir apabila mendahului pasukan lawan dengan kedudukan sebanyak 9-3.

Pasangan pemain dari Sarawak kemudiannya bertemu dengan pasangan pemain Sukan Cue dari Sabah yang menampilkan Larry Hiew dan Neelson Low.

Di perlawanan ini, pasangan pemain dari Sarawak telah berjaya ditumpaskan oleh pasangan pemain dari Sabah dengan kedudukan 9 - 3.

Keputusan yang diperolehi oleh pasangan pemain dari Sabah telah melayakkan mereka meneruskan perlawanan bertembung dengan pemain negara.

Pasangan pemain negara dan Sabah meneruskan perlawanan mereka di sebelah petang, di mana pasangan pemain negara mantap di sepanjang perlawanan merasa yakin untuk melayakkan diri mereka ke peringkat akhir apabila mendahului pasukan lawan sehingga kedudukan akhir 9 - 5.

Keputusan telah memutuskan pasangan pemain negara berjaya meraih kemenangan di acara Sukan Cue bagi acara '9-Ball Pool Doubles' di Sukan Borneo Ketiga 2009.

Perlawanan bagi acara '8-Ball Pool Single' dan '9-Ball Pool Single' akan berlangsung pada esok hari yang akan melibatkan pemain dari Kalimantan Selatan.

Tuan rumah kalah tipis kepada Sarawak, Kalimantan Tengah



PASUKAN Negara Brunei Darussalam tewas kepada negeri Sarawak 2 - 3 dalam Perlawanan Tennis 'Berpasukan Lelaki'. - Foto : Ramli Tengah.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Disember. - Skwad Tennis Lelaki Berpasukan Brunei Darussalam pada temasya Sukan Borneo Ketiga 2009 mengalami kekalahan tipis 2 - 3 kepada negeri Sarawak pada pertemuan di Gelanggang Tennis Kompleks

Oleh :
Siti Zuraihah Awang Sulaiman

Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Awang Mohaimin Haji Awang yang memulakan permainan perseorangan pertama, tumpas kepada Jeremy Jhon dengan kiraan 4 - 6 dan 0 - 6.

Walau bagaimanapun, tuan rumah bangkit pada perseorangan kedua melalui Awang Aiman Abdullah yang menundukkan Kelvin Chong 6 - 1 dan 6 - 0.

Pada pertarungan perseorangan ketiga, Mathew Bukit ditundukkan oleh Awang Amin Tamel dengan 6 - 3 dan 6 - 3.

Pasangan tuan rumah, Awang Aiman Abdullah dan On Sie Lu kemudian menyamakan kedudukan 2 - 2 apabila mereka menundukkan pasangan Awang Zaki Fauzi dan Awang Md. Noorhairi Kadir, 6 - 1 dan 6 - 4 di perlawanan berpasangan pertama.

Kemudian pasangan kedua tuan rumah, Awang Mohaimin Haji Awang dan Mathew Bukit tidak memperolehi nasib yang baik apabila mereka kecundang kepada pasangan Shawn Lee dan Kelvin Chong dengan 1 - 6 dan 1 - 6.

Sementara itu, bagi perlawanan 'Berpasukan Veteran', skuad tuan rumah tersungkur 1 - 2 kepada Kalimantan Tengah.

Perseorangan pertama tuan rumah Fung Ah Siew kalah 1 - 6, 1 - 6 kepada Jainuri.

Kemudian Pengiran Anuar Pengiran Haji Ahmad menundukkan Sugianto dengan 6 - 1, 6 - 4, manakala pasangan Pengiran Haji Md. Riduan Pengiran Haji Md. Yunos dan Awang Shapiee Haji Hassan ditewaskan oleh pasangan Jainuri dan Awang Muhsardin dengan 1 - 6 dan 2 - 6.



PASUKAN hoki wanita Negara Brunei Darussalam dan pasukan hoki wanita negeri Sabah beraksi di perlawanan pembukaan Sukan Borneo Ketiga 2009. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

Pasukan hoki tuan rumah tewas dua perlawanan pembukaan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Pasukan Hoki Negara Brunei Darussalam kurang beraksi mantap apabila tewas dalam dua perlawanan pembukaan Sukan Borneo Ketiga 2009 kepada pasukan dari negeri Sabah dan Sarawak.

Kekalahan ini secara langsung menyingkap kekurangan dalam pasukan yang sememangnya memerlukan pendedahan untuk menimba lebih banyak pengalaman dan kemahiran.

Dalam perlawanan pembuka tirai kejohanan ini, pasukan tuan rumah wanita terpaksa akur dengan kekentalan pasukan negeri di bawah bayu, Sabah apabila tumpas dengan jaringan 0-3.

Pasukan negara yang baru dibentuk beberapa bulan lalu ini dengan penyerapan beberapa pemain senior terpaksa akur dengan kepantasan pemain Sabah namun telah menimba pengalaman yang secara langsung amat berharga selain menjadi satu pengajaran.

Dengan berbekalkan semangat dan keghairahan bermain di tempat sendiri, anak didik Awang Zulkiflee Zainal ini berjaya juga mengekang asakan pemain Sabah setelah berjaya mengikat 0-0 sehingga separuh masa pertama berakhir sekalipun mempunyai peluang untuk menjaringkan sebarang gol.

Bermula dengan jaringan pertama yang dihasilkan oleh Dayang Sarimah Rahia di minit ke 41 berjaya memisahkan jurang sekali gus sebagai pembakar semangat rakan-rakan sepasukannya.

Namun dua kesilapan yang terjadi mengakibatkan dua pukulan sudut pendek bagaikan hukuman yang menimpa buat pasukan tuan rumah sekali gus membolehkan Sabah menambah jaringan yang dilakukan oleh Juliani Mohamad Din berturut-turut pada minit ke 45 dan 50.

Jurulatih pasukan tuan rumah, Awang Zulkiflee Zainal ketika ditanya mengenai perlawanan pertama ini amat berpuas hati dengan persembahan anak buahnya sekalipun tewas namun menunjukkan persembahan yang sangat baik dibandingkan dengan permainan yang mereka tunjukkan sebelum ini.

Katanya, pasukan ini baru dibentuk, jadi perlawanan pertama ini banyak memberi pengajaran kepada mereka memandangkan mereka merupakan pemain muda yang baru didedahkan dengan perlawanan.

Sekalipun pasukan kita menyerapkan empat orang pemain senior jelasnya, namun peranan mereka ini adalah untuk membimbing pemain muda kita kerana masa ini bukan lagi zaman mereka malah bertindak sebagai pembakar semangat.

Sementara itu, pemain senior yang pernah beraksi di Sukan SEA 1999, Limawati Gelawat berkata, mereka telah mempersembahkan permainan yang terbaik setakat ini dan hampir 80 peratus pemain yang beraksi malam ini baru menghadapi perlawanan pertama.

Manakala dalam perlawanan pertama pasukan lelaki negara juga terpaksa akur dengan kepantasan permainan Sarawak apabila tumpas dengan jaringan 2-4.

Pasukan negara yang beraksi mantap di separuh masa pertama dikejutkan dengan jaringan pertama pasukan Bumi Kenyalang ketika permainan hampir tamat.

Namun Brunei merubah rentak permainan lebih pantas di separuh masa kedua sekali gus berjaya mengikat kedudukan ketika perlawanan baru memasuki minit ke 5 dengan jaringan yang dilakukan oleh Awang Md. Zikri Jauhari.

Sarawak berjaya memisahkan kedudukan dengan lebih selesa dalam jarak masa tiga minit untuk membuat dua jaringan yang masing-masing dihasilkan oleh Micheal Plani dan Christnal di minit ke 49 dan 52.

Awang Md. Ezrith melengkapkan jaringan Brunei setelah menyempurnakan pukulan sudut pendek di minit ke 56 malah Sarawak mengukuhkan kedudukannya apabila Awang Md. Zikri menjadi penyumbang utama bagi pasukannya sekali gus jaringan ketiga buat dirinya.

Pengurus pasukan Sarawak, Awang Junaidi Reduan ketika ditemui berkata, beliau amat berpuas hati dengan persembahan anak buahnya dan berazam akan mengekalkan prestasi malam ini ketika bertemu dengan Sabah pada hari Rabu nanti.

Pada perlawanan seterusnya, pasukan puteri negara akan beraksi pada hari Jumaat nanti menentang pasukan Sarawak di tempat yang sama manakala pasukan lelaki akan bertemu Sabah pada Sabtu petang.

Sukan Cue 8-Ball Poll Single

2 peserta negara layak ke separuh akhir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Disember. - Pemain Sukan Cue negara, Ak. Mohd. Saiful Azri dan Awang Ahmad Taufiq berjaya melayakkan diri mereka ke peringkat separuh akhir bagi acara Sukan Cue 8-Ball Pool Single yang berlangsung hari ini di Cue Sports di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pada saringan pertama di sebelah pagi, Ak. Mohd. Saiful Azri telah berjaya menewaskan pemain lawan dari negeri Sarawak, Giam Ann Chai dengan kedudukan 7-3.

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Manakala pemain negara, Ahmad Taufiq bermain dengan rancak sekali sehingga dapat mengalahkan pemain dari negeri Sabah, Lee Hee Sin dengan memperolehi kedudukan mata penuh 7-4 di akhir perlawanan.

Pada sebelah petang, Ak. Mohd. Saiful Azri sekali lagi meneruskan perlawanan bersama Rashid Mambalusan, pemain Sukan Cue dari Sabah yang mana di akhir

perlawanan beliau telah gagal dengan mendapat mata penuh 10-13.

Ahmad Taufiq sekali lagi berjaya menumpaskan pemain lawan, David Tan Thiam Hua dari Sarawak dengan kedudukan 7-4.

Peringkat separuh akhir akan diadakan esok hari di antara pemain Sukan Cue negara kita dengan pemain Sukan Cue dari Sabah dan Sarawak.

Boling Padang Brunei sapu 3 pingat emas, 3 perak, 1 gangsa



Oleh :
Abdullah Asgar
Foto :
Abdullah
Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Disember. - Skuad Boling Padang Brunei Darussalam akhirnya merangkul tiga pingat emas, tiga perak dan satu gangsa pada temasya Sukan Borneo

Ketiga 2009 yang berakhir di Pusat Boling Padang Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Tiga emas masing-masing diraih melalui acara 'Bertiga Lelaki', 'Berempat Wanita' dan 'Bertiga Wanita' dengan sekali gus pengutip emas tertinggi bagi acara tersebut.

Sementara pingat perak diikuti melalui 'Berdua Lelaki' dan 'Perseorangan Wanita', manakala gangsa disumbangkan dari acara 'Berempat Lelaki'.

Pingat emas acara 'Bertiga Lelaki' dirangkul oleh kumpulan trio Awang Yakub Haji Abd. Hamid, Awang Firdaus dan Awang Bahren Haji Rahman melalui perlawanan sengit bertemu trio negeri Sarawak setelah kedudukan seri 14-14 hingga set terakhir. Namun, atas keputusan pengadil perlawanan terpaksa dijalankan melalui set penentuan dan di sinilah pemain terakhir Sarawak membuat kesilapan pada bola terakhir dengan tersasar bola sendiri dan memberikan dua mata tambahan bagi trio

Brunei Darussalam.

Sementara pingat emas seterusnya dirangkul melalui acara 'Berempat Wanita' masing-masing oleh Dayang Shahduwani Aman, Dayang Rosita Haji Md. Kamis, Dayang Esmawandy Brahim dan Dayang Siti Ervi Fedarussanti Umar yang memenangi 'Berempat Wanita Sarawak' dengan 21 - 9.

Manakala satu lagi pingat emas diraih melalui acara 'Bertiga Wanita' yang dianggotai oleh Dayang Esmawandy Brahim, Dayang Siti Ervi Fedarussanti Umar dan Dayangku Nurul Nabillah Pengiran Salleh Chuchu yang mengecewakan 'Bertiga Wanita' Sabah kelmari.

Pingat perak masing-masing disumbangkan dari acara 'Berdua Lelaki' dari Awang Haji Mat Rasi dan Awang Mohd. Israt Amiruddin Haji Ghani yang menumpaskan pasangan 'Berdua Lelaki' Sabah, Awang Mohd. Hairi Hamzah dan Awang Mohd. Farid Al-Hamidi, 11 - 8.

Juga mengutip perak

ialah dalam acara 'Perseorangan Wanita', Dayangku Nurul Nabillah Pengiran Salleh Chuchu yang dikecewakan oleh 'Perseorangan Wanita' Sarawak, Dayang Alfiza Abdullah pada set terakhir dengan 19-21.

Satu lagi pingat perak ialah dari acara 'Perseorangan Lelaki', Awang Haji Norhadi yang tumpas kepada perseorangan Sarawak, Awang Muhd. Akbar Busman dengan kiraan 12-21.

Sementara pingat gangsa diperolehi dari acara 'Lelaki Berempat' melalui pasangan Awang Abu Huraiah, Awang Sahiful, Awang Hammaley dan Awang Mohd. Israt Amiruddin yang mengeneipkan 'Regu Berempat Lelaki' Sabah, 12-11.

Sementara itu, 'Regu Berdua Wanita' Brunei Darussalam, Dayang Norhartine dan Dayang Hajah Rainah pula gagal merangkul gangsa setelah kecundang di tangan 'Regu Berdua Wanita' Sarawak, Dayang Siti Nadiyahusna dan Dayang Nursyamiezan dengan 7-16.

Keputusan lain, 'Regu Bertiga Lelaki' Melaka merampas gangsa setelah mengecewakan 'Regu Bertiga Lelaki' Sabah dengan hanya 10 - 9.

Manakala itu, 'Regu Bertempat Wanita' Wilayah Persekutuan Labuan memenangi 'Regu Bertempat Wanita' Sabah



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah menyampaikan pingat emas kepada johan boling padang 'Kumpulan Lelaki' dari Negara Brunei Darussalam.

dengan kiraan 17 - 6 untuk mengutip gangsa, 'Perseorangan Lelaki' Wilayah Persekutuan Labuan (Awang Muhd. Syazwan) pula menjinakkan perseorangan Sabah (Mohd. Ridhuan) dengan 21 - 7 untuk menggondol gangsa.

Pasukan 'Perseorangan Wanita' Wilayah Persekutuan Labuan (Dayang Noor Fazrina) juga membawa pulang gangsa dengan mengeneipkan 'Perseorangan Wanita' Sabah (Dayang Fatin Aqilah) dengan mata 21 - 10.

Ketika ditemui wakil PELITA BRUNEI bersama ketua pasukan trio Brunei

yang mengutip emas, Awang Yakub Haji Abd. Hamid menjelaskan mereka berbangga dan berpuas hati dengan kejayaan yang diraih dan berjaya mempertahankan pingat tersebut yang juga dicapai di Sukan Borneo Ketiga.

"Dua mata berharga yang diperolehi setelah berkedudukan seri di set terakhir menentukan kami menang walaupun Sarawak cuba membuat pecahan tetapi gagal kerana dua kali percubaan mereka semuanya tersasar dan saya tidak perlu membuat buangan terakhir kerana kami sudah mendahului," jelasnya.

Tambahnya, ini sudah kali kedua kami merangkul emas dan pada Sukan Borneo Keempat nanti kami akan cuba mempertahankannya lagi insya Allah.

Menyampaikan pingat-pingat ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah, Encik Penyuki Mata yang juga Chief de' Mission.

Juga menyampaikan ialah Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad.

Regu Bertiga Wanita rangkul pingat emas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Disember. - Pasukan Regu Bertiga Wanita Boling Padang Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya merangkul pingat emas setelah menundukkan pasukan lawan dari negeri di bawah bayu Sabah dengan kedudukan 13 - 6.

Negeri Sabah hanya mampu mengutip perak melalui acara tersebut, manakala 'Regu Bertiga Wanita Sarawak' meraih gangsa.

Pasukan Regu Bertiga Wanita NBD dibarisi oleh Dayangku Nurul Nabillah Pengiran Salleh Chuchu, Dayang Esmawandy Brahim dan Dayang Siti Ervi Fedarussanti Umar.

Sementara itu, 'Regu Berdua Sabah' pula mendahului 'Regu Berdua' NBD dengan kedudukan 11 - 8.

Dalam acara ini emas milik Sabah dan NBD memungut perak, manakala gangsa diraih oleh Sarawak.

NBD dalam acara regu berdua ini diwakili oleh Awang Haji Mat Rasi dan Mohd. Israt Amiruddin.

Pertandingan berlangsung di Pusat Boling Padang Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini dijalankan dalam keadaan hujan dan jemaah pengadil terpaksa memberhentikan permainan setelah hujan tidak berhenti dalam masa yang ditentukan.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama Ketua Pasu-

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Abdul Kadir Md. Tahir



PESERTA boling padang Brunei membalik bola perlawanan menentang negeri Sabah.

kan 'Regu Bertiga Wanita', Dayangku Nurul Nabillah melahirkan rasa gembira dan puas hati dengan kutipan emas pertama bagi acara boling padang walaupun ia melalui keputusan teknikal pengadil kerana masalah cuaca.

"Latihan yang kami jalani selama ini pada 1 Disember hari ini membuahkan hasil dan ia berbaloi bagi kami walaupun pada perlawanan hari pertama kami disaingi hebat oleh 'Regu Bertiga' Sarawak," katanya.

Beliau menjelaskan, dia sendiri juga akan bertanding dalam acara 'Perseorangan Wanita' esok bagi menentukan emas atau perak, tetapi lawan saya belum ditentukan sama ada dari Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau menambah, dua dari mereka juga akan menentukan emas atau perak dalam acara 'Regu Berempat Wanita' dengan dua pasangan lain iaitu Shahduwani dan Rosita esok.

Pasukan Perseorangan Fours Wanita menyerlah

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 November. - Pasukan Boling Padang Perseorangan Wanita dan Pasukan Fours Wanita Brunei Darussalam memulakan langkah kanan pada saingan Sukan Borneo Ketiga 2009 dengan mencatatkan kemenangan bergaya menyingkirkan Sarawak di Pusat Boling Padang, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Dayangku Nurul Nabillah yang turun bagi 'Perseorangan Wanita' menumpaskan Dayang Alfiza dari Sarawak dengan kedudukan 21 - 15.

Pasukan Fours Wanita tuan rumah juga mencatatkan kemenangan dengan mengatasi Sarawak dengan kedudukan 19 - 10.

Bagaimanapun, 'Perseorangan Lelaki' tuan rumah, Awang Haji Norhadi terpaksa akur dengan kehebatan peserta Sarawak, Awang Muhd. Akbar yang menyingkirkannya melalui kedudukan 16 - 21.

Pada perlawanan lain,



DUA atlet boling padang beraksi sejourus hendak membalik bola.

Pasukan Fours Wanita Wilayah Persekutuan Labuan mengatasi Sabah 15 - 8, kemudian di bahagian perseorangan wanita, Wilayah Persekutuan Labuan mengatasi Sabah 21 - 11, manakala, Pasukan Fours Lelaki Wilayah Persekutuan Labuan pula seri 15 - 15 dengan Sabah.

Pasukan jemputan Melaka, juga mencatatkan kemenangan pada perlawanan 'Bergu Wanita' dengan menundukkan Wilayah Persekutuan Labuan 17 - 8, Sarawak pula menang tipis ke atas Sabah dengan 19 - 18.

Pada Perlawanan Triple Lelaki, Melaka menumpaskan Wilayah Persekutuan Labuan dengan 29 - 9, Sarawak memenangi Sabah dengan 19 - 8

dan pada pertarungan 'Perseorangan Lelaki', Muhd. Syazwan dari Wilayah Persekutuan Labuan mengatasi Awang Mohammad Ridhuan dengan 21 - 9.

Bagi acara 'Fours Lelaki', Brunei Darussalam diwakili oleh Awang Abu Huraiah, Awang Sahiful, Awang Hammaley dan Awang Mohd. Israt Amiruddin manakala 'Fours Wanita' ialah Dayang Shahduwani, Dayang Rosita, Dayang Esmawandy dan Dayang Siti Ervi Fedarussanti, 'Lelaki dan Wanita' masing-masing, Awang Muhd. Akbar dan Dayang Alfiza.

Sementara Pasukan Fours Lelaki Sarawak ialah Awang Subohidin,

Awang Buang, Awang Sodami dan Awang Abdullah, Fours Wanita, Dayang Hamimah, Dayang Siti Hawa, Dayang Rosmawaty dan Dayang Rohayah, 'Perseorangan Lelaki dan Wanita' masing-masing, Awang Muhd. Akbar dan Dayang Alfiza.

Acara boling padang kali ini merebutkan empat pingat emas, empat pingat perak dan empat pingat gangsa, di Sukan Borneo Kedua Kuching, Kontinjen Brunei Darussalam dalam acara boling padang hanya mampu mengutip satu pingat emas, satu perak dan tiga pingat gangsa.